

21 JUL 2003

Abdullah-Spekulasi

ABDULLAH MINTA PEMIMPIN UMNO ELAK BUAT KENYATAAN SPEKULASI

KEPALA BATAS, 21 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta anggota dan pemimpin Umno supaya jangan membuat apa-apa kenyataan berbentuk spekulasi mengenai siapa yang bakal menjadi wakil rakyat dan mengisi apa-apa jawatan.

Timbalan Perdana Menteri berkata kenyataan-kenyataan seumpama itu tidak perlu dibuat oleh mana-mana ahli dan pemimpin parti itu kerana ia boleh menimbulkan suasana tidak menyenangkan di peringkat bahagian dan cawangan parti.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim minggu lepas yang mendakwa ada pihak tertentu dalam parti mengugutnya bahawa kedudukannya sebagai menteri besar terancam selepas Oktober ini apabila berlaku peralihan kuasa dalam Umno dan kerajaan.

"Kenyataan yang berupa spekulasi tidak perlu dibuat oleh sesiapa pun kerana spekulasi tetap spekulasi, kita tidak mahu spekulasi itu meributkan situasi dalam mana-mana bahagian atau cawangan parti," katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Koperasi Nasional di Dewan Milenium di sini.

Abdullah yang kini Timbalan Presiden Umno telah dinamakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penggantinya apabila beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri dan presiden parti itu selepas persidangan kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur Oktober ini.

Abdullah ketika diminta nasihatnya mengenai dakwaan Shahidan itu, berkata: "Tak tahulah, itu satu perkara yang Shahidan kena urus sendirilah, itu soal peribadi, dia menerima ugutan dan sebagainya.

"Tetapi saya percayai soal siapa nak jadi wakil rakyat dan mengisi jawatan waktu ini, kita tidak tentukan lagi dan saya tidak bersempang dengan sesiapa pun (mengenai perkara itu)," katanya.

Bagaimanapun, bagi memastikan tidak berlaku suasana ribut di dalam bahagian dan cawangan, beliau berharap kenyataan-kenyataan yang berupa spekulasi tidak harus dibuat oleh sesiapa pun di dalam parti.

"Kadang-kadang kenyataan yang berupa spekulasi oleh seseorang pemimpin Umno boleh menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan pemimpin lain kerana masing-masing pemimpin ada penyokongnya.

"Dengan itu apa-apa kenyataan yang hendak dibuat kita perlu berhati-hati, jangan sampai menimbulkan rasa kecewa dan tidak senang hati ini (pada pihak lain)," kata beliau.

Ekoran kenyataan Shahidan, Ketua Umno Bahagian Arau Datuk Radzi Sheikh Ahmad membuat kenyataan beliau tidak mahu namanya dikaitkan dalam spekulasi siapa bakal menjadi Menteri Besar Perlis selepas pilihan raya umum ke-11 nanti.

Ditanya sama ada terdapat pemimpin-pemimpin lain selain Shahidan yang menerima ugutan politik seperti itu, Abdullah berkata: "Tidak tahulah, satu itu sahaja yang saya dengar."

-- BERNAMA

ZS ZS MOZ